

25 FEB 1997

PM BARU THAI LAWAT MALAYSIA LUSA

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri baru Thailand Jen Tan Sri Chavalit Yongchaiyudh dijangka tiba di sini Khamis ini untuk lawatan rasmi dua hari.

Chavalit, yang memegang jawatan itu Disember lepas, akan ditemani isterinya Puan Sri Phankrua dan 42 orang pegawai kanan kerajaan.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, lawatan itu merupakan sebahagian daripada lawatan beliau ke negara-negara Asean untuk berkenalan dengan rakan-rakan sejawatannya.

Pasangan itu akan turut menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Beliau akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai hubungan dua hala dan perkara yang bersangkutan dengan rantau ini.

Chavalit juga dijadual bertemu wakil-wakil sektor swasta Malaysia bagi membincangkan peluang pelaburan di Thailand. -- BERNAMA

NI HJ AKD